

# Tamu Gadang UMS-KAL wadah interaksi dengan masyarakat

i/B 16-10-2012 B5

## PENGANJURAN

sambutan Tamu Gadang Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) 2012 boleh menjadi wadah interaksi antara warga universiti dengan masyarakat tempatan di Wilayah Persekutuan Labuan.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun

Abdullah berkata dengan adanya penganjuran pelbagai aktiviti yang menarik membolehkan warga Labuan bukan sahaja menyertainya malah mengeratkan lagi hubungan silaturrahim dengan warga universiti.

Katanya, kehadiran orang ramai daripada pelbagai lapisan masyarakat akan mendekatkan



HARUN (tiga kiri) menerima cenderamata daripada Ismail diperhatikan Sharif (dua kiri) dan Abdullah (kanan) pada Majlis Penutupan Tamu Gadang UMS-KAL 2012.

lagi mereka dengan UMS-KAL yang menjadi satu-satunya institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang tunggal di pulau bebas cukai ini.

“Acara-acara yang diadakan sempena Tamu Gadang UMS-KAL merupakan wadah perpaduan masyarakat berbilang agama dan bangsa di Wilayah Persekutuan Labuan dengan warga universiti,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan majlis penutupan Tamu Gadang sempena Majlis Konvokesyen UMS ke-14 peringkat UMS Kampus Antarabangsa Labuan 2012 di Padang Bola Sepak, UMS-KAL, malam Sabtu lalu.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang, Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd Said dan Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Ismail Ali.

Hadir sama Dekan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Prof Madya Dr Syed Nasirin Syed Zainol Abidin, Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Dr Ag Asri

Ag Ibrahim dan Timbalan Pendaftar UMS-KAL, Zamri Mohamad Tuah.

Pelbagai aktiviti diadakan pada majlis itu termasuk persembahan nyanyian, tarian, nasyid, teater dan cabutan nombor bertuah yang menawarkan hadiah menarik termasuk basikal dan televisyen.

Harun mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua Ahli Jawatankuasa Pelaksana program yang telah bertungkus-lumus menjayakan Tamu Gadang yang menjadi tradisi tahunan sempena Majlis Konvokesyen UMS.

Katanya, penganjuran Tamu Gadang itu juga turut membantu menjana ekonomi peniaga tempatan melalui gerai-gerai jualan pelbagai barang termasuk makanan dan minuman serta pakaian.

Beliau berharap AJK Pelaksana Tamu Gadang dalam kalangan pelajar mengambil peluang keemasan ini untuk menimba ilmu di luar bilik kuliah seperti urusan pengendalian aktiviti keusahawanan, pertandingan kreatif dan majlis rasmi



AHLI Jawatankuasa Protokol bersedia menyambut ketibaan Naib Canselor UMS.



PERSEMBAHAN tarian 1Malaysia menonjolkan budaya masyarakat Malaysia.

sebagai bekalan apabila telah menamatkan pengajian kelak.

Selain itu, Harun juga yakin melalui penganjuran pelbagai aktiviti Tamu Gadang akan mengeratkan lagi hubungan antara universiti dengan jabatan kerajaan serta masyarakat tempatan yang sentiasa menyokong aktiviti di UMS Kampus Antarabangsa Labuan,” katanya.



ISMAIL (tiga kiri) menyampaikan hadiah televisyen kepada kakitangan Hal Ehwal Pelajar, Abd Rahim Warsit diperhatikan Norhanizah Adnan dan Roslan Gimba (dua kiri).



PELAJAR UMS-KAL mempersembahkan tarian moden yang mendapat tepukan gemuruh daripada penonton yang membanjiri Padang Bola UMS-KAL.

yang diadakan di UMS Kampus Antarabangsa Labuan.

“Penganjuran Tamu Gadang telah mengeratkan hubungan antara universiti dengan jabatan kerajaan serta masyarakat tempatan yang sentiasa menyokong aktiviti di UMS Kampus Antarabangsa Labuan,” katanya.